

PERANAN DIDIKTV KPM DALAM PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM: TAHAP PENGETAHUAN DAN SIKAP GURU

[THE ROLE OF DIDIKTV KPM IN ISLAMIC EDUCATION LEARNING: TEACHERS' LEVEL OF KNOWLEDGE AND ATTITUDE]

NOR HASANAH MOHD YUSOFF,^{1*} & MOHD ISA HAMZAH¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: p127087@siswa.ukm.edu.my

Received: 24 December 2024

Accepted: 26 February 2024

Published: 17 March 2025

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap penggunaan Saluran DidikTV dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah. Saluran DidikTV yang dilancarkan pada Februari 2021 memainkan peranan penting dalam menyokong pengajaran semasa pandemik COVID-19, khususnya dalam bidang Pendidikan Islam. Berdasarkan kajian literatur, pengetahuan guru mengenai penggunaan teknologi pendidikan seperti DidikTV mempengaruhi keberkesanannya dalam pengajaran. Walaupun DidikTV menawarkan kandungan yang berkualiti, kajian menunjukkan bahawa banyak guru masih kurang terdedah kepada cara penggunaan yang efektif dan kesukaran dalam mengakses saluran ini, terutamanya di kawasan pedalaman. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan untuk mengumpul data mengenai tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap DidikTV. Sampel terdiri daripada 41 orang guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan Zon Semenyih, yang dipilih menggunakan kaedah pensampelan rawak. Instrumen kajian adalah soal selidik yang mengandungi 8 pernyataan menggunakan skala Likert 5 mata. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis deskriptif untuk melihat hubungan antara pengetahuan dan sikap guru terhadap penggunaan DidikTV. Hasil kajian diharapkan dapat memberikan panduan kepada pihak berwajib dalam meningkatkan penggunaan teknologi pendidikan dalam pengajaran Pendidikan Islam di Malaysia, dengan memberikan lebih banyak latihan profesional dan sokongan teknikal kepada guru-guru.

Kata Kunci: DidikTV, Pendidikan Islam, pengetahuan, sikap guru, pembelajaran dalam talian, teknologi pendidikan.

Abstract: This study aims to evaluate the knowledge and attitudes of teachers towards the use of DidikTV channel in Islamic Education teaching in secondary schools. Launched in February 2021, DidikTV has played a crucial role in supporting teaching during the COVID-19 pandemic, particularly in the field of Islamic Education. According to the literature, teachers' knowledge of using educational technology like DidikTV directly impacts its effectiveness in teaching. While DidikTV offers high-quality content, studies show that many teachers remain inadequately exposed to effective usage methods and face difficulties accessing the channel, particularly in rural areas. This study employs a quantitative approach using a survey method to gather data on teachers' knowledge and attitudes towards DidikTV. The sample consists of 30 Islamic Education teachers from Sekolah Menengah Kebangsaan Zon Semenyih, selected through random sampling. The research instrument is a questionnaire containing 8 statements rated on a 5-point Likert scale. The data collected will be analyzed using descriptive analysis to examine the relationship between teachers' knowledge and attitudes towards the

use of DidikTV. The study's results are expected to provide guidance to relevant authorities in improving the use of educational technology in Islamic Education teaching in Malaysia by offering more professional training and technical support to teachers.

Keywords: DidikTV, Islamic Education, knowledge, teacher attitudes, online learning, educational technology

Cite This Article:

Nor Hasanah Mohd Yusoff & Mohd Isa Hamzah. (2025). Peranan Didiktv Kpm Dalam Pembelajaran Pendidikan Islam: Tahap Pengetahuan Dan Sikap Guru [The Role Of Didiktv Kpm In Islamic Education Learning: Teachers' Level Of Knowledge And Attitude]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(1), 44-59.

PENGENALAN

Pengetahuan dan sikap guru terhadap penggunaan Saluran DidikTV dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah adalah sangat penting, terutamanya selepas pelancaran DidikTV pada Februari 2021 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Saluran ini memainkan peranan yang signifikan dalam menyesuaikan pengajaran dengan keperluan semasa, lebih-lebih lagi semasa pandemik COVID-19 yang memaksa sektor pendidikan mengadaptasi Pembelajaran dan Pengajaran dari Rumah (PdPR) sebagai norma baru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran. Dalam konteks ini, DidikTV menjadi platform utama yang menyediakan bahan pendidikan secara dalam talian, membantu guru menyampaikan kandungan pengajaran dengan lebih berkesan dan efektif. Oleh itu, fokus utama kajian ini adalah untuk memahami bagaimana guru-guru Pendidikan Islam memanfaatkan Saluran DidikTV dalam pengajaran mereka di sekolah menengah. Subjek pendidikan Islam merupakan salah satu mata pelajaran teras, memerlukan kaedah pengajaran yang berkesan untuk memastikan pelajar memahami prinsip-prinsip asas agama Islam, ibadah, akhlak, dan sejarah Islam. Oleh itu, kefahaman yang mendalam mengenai penggunaan DidikTV dapat membantu meningkatkan pengalaman pengajaran dan pembelajaran dalam talian, yang mana sangat diperlukan dalam era digital kini.

Terdapat beberapa kajian literatur yang lepas menunjukkan penggunaan teknologi dalam pendidikan adalah kunci untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Menurut Ahmad et al., (2022), dalam kajiannya mendapati bahawa pengetahuan guru tentang teknologi pendidikan, termasuk saluran seperti DidikTV, mempengaruhi keberkesanannya dalam pengajaran. Kajian tersebut menyatakan bahawa meskipun DidikTV menyediakan kandungan pendidikan yang berkualiti, masih ramai guru yang kurang terdedah kepada cara penggunaan yang berkesan, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Keadaan ini disebabkan oleh kekurangan latihan profesional serta sumber sokongan yang dapat membantu guru dalam menguasai penggunaan DidikTV dengan lebih baik (Zainuddin, 2021). Di samping itu, kajian oleh Mansor (2021) menunjukkan bahawa sikap positif terhadap teknologi adalah faktor penting dalam mempengaruhi keberkesanan penggunaannya dalam pengajaran. Sikap yang positif dapat memotivasi guru untuk lebih terbuka dalam mengintegrasikan DidikTV dalam pengajaran mereka.

Oleh yang demikian, dapat dilihat kekosongan utama yang akan diisi oleh kajian ini adalah menilai sejauh mana guru-guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan Zon Semenyah memahami dan memanfaatkan DidikTV dalam pengajaran mereka. Selain itu, kajian ini akan menilai sikap mereka dan bagaimana halangan teknikal serta kekurangan latihan dapat mempengaruhi penggunaan DidikTV dalam pengajaran Pendidikan Islam. Menggunakan pendekatan kuantitatif, kaedah tinjauan bagi mengumpul data mengenai pengetahuan dan sikap guru terhadap DidikTV. Sampel kajian terdiri daripada 41 orang guru Pendidikan Islam yang dipilih menggunakan kaedah pensampelan rawak. Dengan kaedah ini, penyelidik berharap dapat memperoleh gambaran yang lebih objektif mengenai pandangan dan pengalaman guru-guru terhadap penggunaan DidikTV. Data yang diperoleh daripada soal selidik akan dianalisis menggunakan analisis deskriptif untuk melihat pengetahuan dan sikap guru terhadap penggunaan saluran DidikTV dalam pengajaran.

Secara keseluruhannya, kajian ini akan memberikan sumbangan yang penting dalam memperbaiki penggunaan DidikTV sebagai alat bantu pengajaran dalam Pendidikan Islam, serta memberikan cadangan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi halangan yang dihadapi oleh guru. Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan panduan kepada pihak berwajib dalam merancang latihan profesional dan sokongan teknikal untuk membantu guru menguasai teknologi pendidikan dengan lebih berkesan.

KAJIAN LITERATUR

Pelancaran DidikTV pada 17 Februari 2021 menandakan perubahan penting dalam landskap pendidikan di Malaysia, terutamanya dalam menghadapi cabaran pandemik COVID-19 yang mengubah cara pengajaran dan pembelajaran secara keseluruhan. Saluran ini bukan sahaja menyediakan kandungan pendidikan secara umum, tetapi juga memberi tumpuan kepada bahan pengajaran khusus bagi pelbagai mata pelajaran, termasuk Pendidikan Islam. DidikTV menjadi platform utama dalam menyokong Pembelajaran dan Pengajaran dari Rumah (PdPR), memberikan alternatif yang berguna bagi pengajaran bersemuka yang terpaksa dihentikan sementara akibat wabak Covid-19. Dalam konteks Pendidikan Islam kini, DidikTV menyediakan bahan pengajaran yang relevan untuk membantu guru dalam menyampaikan topik-topik penting seperti ibadah, akhlak, sejarah Islam, dan banyak lagi.

Salah satu cabaran utama dalam penggunaan DidikTV dalam pengajaran ialah tahap pengetahuan guru terhadap teknologi pendidikan, khususnya DidikTV. Kajian oleh Ahmad et al., (2022) menunjukkan bahawa pengetahuan yang mendalam tentang teknologi pendidikan, termasuk penggunaan DidikTV, memberikan impak yang signifikan terhadap keberkesanan pengajaran. Meskipun DidikTV menawarkan kandungan yang berkualiti tinggi, kajian ini mendapati bahawa banyak guru tidak sepenuhnya terdedah kepada cara yang efektif untuk mengakses dan mengintegrasikan bahan daripada saluran ini dalam kelas mereka. Keadaan ini dipersetujui oleh Zainuddin (2021), yang menjelaskan bahawa ramai guru Pendidikan Islam tidak mempunyai kefahaman yang menyeluruh tentang struktur kandungan yang disediakan oleh DidikTV, serta tidak tahu bagaimana untuk menyelaras dan mengintegrasikan kandungan tersebut ke dalam pengajaran mereka. Kekurangan latihan yang berfokus dan sokongan yang tidak mencukupi adalah antara sebab utama mengapa guru-guru tidak dapat memanfaatkan

sepenuhnya bahan yang disediakan oleh DidikTV dalam pengajaran mereka. Oleh itu, tanpa latihan yang cukup, guru akan terus berhadapan dengan kesukaran dalam menggunakan bahan-bahan pengajaran ini dengan optimal.

Selain pengetahuan, sikap guru terhadap penggunaan teknologi juga merupakan faktor penting dalam menentukan sejauh mana DidikTV digunakan secara efektif dalam pengajaran. Kajian oleh Mansor (2021) mendapati bahawa sikap positif terhadap penggunaan teknologi pendidikan dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran. Walau bagaimanapun, kajian ini juga menunjukkan bahawa sebahagian besar guru masih kurang yakin dengan penggunaan DidikTV, terutamanya apabila menghadapi cabaran teknikal seperti sambungan internet yang tidak stabil. Isu ini menjadi lebih ketara di kawasan pedalaman, di mana guru-guru mengalami kesulitan dalam mengakses siaran DidikTV disebabkan oleh masalah infrastruktur internet yang tidak mencukupi. Kajian ini turut disokong oleh Mahmud et al. (2023), yang menyatakan bahawa sokongan dari pihak KPM adalah penting dalam mengatasi masalah ini. Program latihan berterusan dan kemudahan bantuan teknikal dapat meningkatkan kesediaan guru untuk menggunakan teknologi digital secara lebih meluas. Sekiranya sokongan yang mencukupi diberikan, guru-guru akan lebih berkeyakinan dan bersedia untuk menggunakan DidikTV secara efektif dalam pengajaran mereka, khususnya dalam pengajaran Pendidikan Islam.

Di samping itu, kajian oleh Roslan et al., (2022) menegaskan bahawa latihan profesional yang terfokus kepada penggunaan DidikTV dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam menggunakan saluran ini. Guru-guru yang telah mengikuti latihan khusus menunjukkan peningkatan dalam keyakinan mereka untuk menggunakan DidikTV dalam pengajaran Pendidikan Islam. Latihan yang berkesan membantu guru untuk memahami cara mengakses bahan pengajaran dengan lebih mudah, serta cara-cara untuk mengintegrasikan bahan tersebut ke dalam pengajaran mereka dengan lebih praktikal. Ini juga dibuktikan dalam kajian oleh Abdullah dan Zulkifli (2020), yang menunjukkan bahawa guru-guru yang menerima latihan dalam teknologi pendidikan lebih cenderung untuk meningkatkan mutu pengajaran mereka. Oleh itu, latihan yang lebih tertumpu kepada aspek pengaplikasian praktikal, di samping teori, adalah penting bagi memastikan guru dapat menguasai penggunaan teknologi ini dengan lebih berkesan. Kajian oleh Yusof dan Ismail (2021) juga mendapati bahawa walaupun terdapat beberapa cabaran dalam penggunaan teknologi pendidikan, terdapat potensi besar untuk DidikTV meningkatkan kualiti pengajaran Pendidikan Islam sekiranya guru-guru diberi peluang untuk mengikuti sesi latihan yang sesuai. Latihan yang berfokuskan aplikasi praktikal dalam kelas akan membantu guru untuk memanfaatkan sepenuhnya bahan yang tersedia di DidikTV. Selain itu, pihak KPM perlu lebih proaktif dalam menyediakan latihan yang merangkumi semua aspek, termasuk aspek teknikal dan pedagogi, serta penyediaan sumber bantuan yang mencukupi untuk memastikan kelancaran penggunaan DidikTV dalam bilik darjah.

Secara keseluruhan, DidikTV mempunyai potensi besar untuk meningkatkan pengajaran Pendidikan Islam di Malaysia. Oleh itu, sokongan berterusan dari pihak KPM dalam bentuk latihan praktikal, bantuan teknikal, dan penyediaan sumber sokongan yang relevan adalah penting untuk memastikan DidikTV digunakan dengan efektif. Dalam hal ini, penglibatan aktif pihak berwajib untuk menyediakan kemudahan yang mencukupi dan latihan

berterusan akan membantu memastikan DidikTV dapat digunakan secara lebih berkesan dalam pengajaran Pendidikan Islam dan seterusnya meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan (survey) untuk mengukur pengetahuan dan sikap guru terhadap penggunaan Saluran DidikTV dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah. Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengumpul data yang terstruktur dan boleh dianalisis secara statistik, memberikan gambaran jelas mengenai tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap Saluran DidikTV. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana guru-guru memahami dan mengintegrasikan Saluran DidikTV dalam pengajaran mereka serta sikap mereka terhadap manfaat saluran ini dalam proses pengajaran Pendidikan Islam.

Populasi kajian terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan Zon Semenyah. Sampel kajian seramai 41 orang guru dipilih menggunakan kaedah pensampelan rawak (random sampling). Dengan menggunakan teknik pensampelan rawak, setiap guru dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian. Teknik ini digunakan untuk mendapatkan sampel yang mewakili keseluruhan populasi, memastikan bahawa data yang diperoleh adalah lebih objektif dan mencerminkan pandangan yang lebih luas daripada guru-guru di sekolah tersebut.

Instrumen utama yang digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini adalah soal selidik yang dibangunkan oleh penyelidik. Soal selidik ini mengandungi 8 pernyataan yang mengukur tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap penggunaan Saluran DidikTV dalam pengajaran Pendidikan Islam. Responden diminta untuk memberi penilaian terhadap setiap pernyataan menggunakan skala Likert 5 mata. Skala ini membolehkan penyelidik mengukur pengetahuan dan sikap guru terhadap penggunaan saluran DidikTV dalam pengajaran mereka.

Proses pengumpulan data dilakukan melalui pengedaran soal selidik secara bersemuka dan diatas talian kepada responden yang telah dikenalpasti. Pengedaran soal selidik secara bersemuka dan diatas talian memberi peluang kepada penyelidik untuk memastikan bahawa responden memahami setiap soalan dengan jelas dan dapat memberi jawapan yang diperlukan. Responden diberi masa yang mencukupi untuk mengisi soal selidik, dan penyelidik akan berada di tempat dan masa pengedaran untuk membantu jika terdapat sebarang kekeliruan. Setelah soal selidik selesai, data yang diperoleh akan dikumpulkan untuk dianalisis.

Setelah pengumpulan data selesai, analisis deskriptif akan dijalankan menggunakan perisian statistik seperti SPSS atau Microsoft Excel. Analisis ini melibatkan pengiraan purata (mean), kekerapan (frequency), dan peratusan (percentage) bagi setiap item dalam soal selidik. Dengan menggunakan data yang diperoleh, penyelidik dapat mengukur tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap Saluran DidikTV dan melihat trend dalam penggunaan saluran ini dalam pengajaran Pendidikan Islam. Hasil kajian ini dijangka dapat memberi panduan kepada pihak berwajib dalam meningkatkan penggunaan teknologi pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Malaysia.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan hasil analisis soal selidik yang berkaitan dengan demografi responden kajian. Sebanyak 41 orang guru Pendidikan Islam di sekolah menengah di Zon Semenyih telah memberikan maklum balas terhadap soal selidik yang diedarkan. Responden terdiri daripada pelbagai latar belakang yang merangkumi jantina, umur, pengalaman mengajar, lokasi sekolah, serta pengetahuan dan penggunaan DidikTV dalam pengajaran. Analisis terperinci bagi setiap aspek demografi responden dapat dilihat dalam jadual di bawah.

Kategori			Jumlah	Peratusan
1	Jantina	Lelaki	8	19.5%
		Perempuan	33	80.5%
2	Umur	20 Hingga 30 Tahun	14	32.1%
		31 Hingga 40 Tahun	10	24.4%
		41 Hingga 50 Tahun	8	19.5%
		51 Tahun Ke Atas	9	22%
3	Pengalaman Mengajar	1 Hingga 5 Tahun	19	46.3%
		6 Hingga 10 Tahun	2	4.9%
		11 Hingga 15 Tahun	6	14.6%
		16 Tahun	14	34.1%
4	Lokasi Sekolah	Bandar	23	56.1%
		Luar Bandar	18	43.9%
5	Adakah Anda Tahu Tentang DidikTV	Ya	38	92.7%
		Tidak	3	7.3%
6	Adakah Anda Menggunakan DidikTV Dalam Pengajaran	Ya	6	14.6%
		Tidak	35	85.4%

Berdasarkan maklumat yang diberikan, analisis mengenai peranan DidikTV KPM dalam pembelajaran Pendidikan Islam dapat dilakukan berdasarkan beberapa aspek penting. Dari segi jantina, majoriti responden adalah perempuan (80.5%) berbanding lelaki (19.5%), yang menunjukkan dominasi guru wanita dalam kajian ini. Dari segi umur, golongan muda antara 20 hingga 30 tahun mencatatkan peratusan tertinggi (32.1%), diikuti oleh guru berusia 51 tahun ke atas (22%), menandakan bahawa DidikTV digunakan oleh guru dari pelbagai peringkat umur, dengan kecenderungan lebih tinggi di kalangan golongan yang lebih muda. Dalam aspek pengalaman mengajar, hampir separuh daripada responden (46.3%) mempunyai pengalaman mengajar antara 1 hingga 5 tahun, manakala golongan yang lebih berpengalaman, iaitu yang mengajar lebih dari 16 tahun, mencatatkan 34.1%. Hal ini menunjukkan bahawa DidikTV lebih digunakan oleh guru yang lebih baru dalam profesion, tetapi tidak kurang juga guru berpengalaman yang menggunakannya dalam pengajaran mereka. Dari segi lokasi, lebih banyak guru dari sekolah bandar (56.1%) menggunakan DidikTV berbanding dengan sekolah

luar bandar (43.9%), yang mungkin dipengaruhi oleh akses yang lebih baik kepada infrastruktur teknologi di kawasan bandar.

Sebagai tambahan, hampir semua guru (92.7%) mengetahui tentang DidikTV, tetapi hanya 14.6% yang menggunakannya dalam pengajaran mereka. Ini menunjukkan bahawa walaupun DidikTV dikenali secara meluas di kalangan guru, penggunaannya dalam pengajaran Pendidikan Islam masih rendah. Beberapa faktor seperti kekangan infrastruktur, kesesuaian kandungan dengan kurikulum, dan kekangan masa mungkin menjadi halangan kepada penggunaannya yang lebih meluas. Secara keseluruhan, DidikTV KPM dikenali oleh kebanyakan guru, namun penerimaannya dalam amalan pengajaran memerlukan usaha lebih lanjut untuk meningkatkan akses dan penggunaan terutamanya di kawasan luar bandar dan di kalangan guru yang lebih berpengalaman.

Tahap Pengetahuan Dan Sikap Guru Terhadap Penggunaan Saluran DidikTV Dalam Pengajaran Pendidikan Islam

Berdasarkan analisis soal selidik yang dijalankan, kajian ini mendapati bahawa tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap penggunaan Saluran DidikTV dalam pengajaran Pendidikan Islam adalah sederhana secara keseluruhannya. Dapatan ini diperoleh daripada lapan pernyataan yang ditanyakan kepada guru-guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan Zon Semenyih.

Bil	Pernyataan	Skala					Min	Sd	Tahap
		1 Sangat Tidak Setuju	2 Tidak Setuju	3 Kurang Setuju	4 Setuju	5 Sangat Setuju			
1	Saya mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Saluran DidikTV.	4.9% (2)	7.3% (3)	31.7% (13)	43.9% (18)	12.2% (5)	3.51	.978	Sederhana
2	Saya memahami jenis kandungan yang terdapat di Saluran DidikTV berkaitan Pendidikan Islam.	4.9% (2)	9.8% (4)	17.1% (7)	48.8% (20)	19.5% (8)	3.68	1.059	Sederhana
3	Saya mengetahui susunan rancangan TV Pendidikan di DidikTV KPM.	9.8% (4)	17.1% (7)	41.5% (17)	24.2% (10)	7.3% (3)	3.02	1.060	Sederhana

4	Saya tahu cara mengintegrasikan kandungan dari Saluran DidikTV dalam pengajaran Pendidikan Islam.	9.8% (4)	12.2% (5)	43.9% (18)	26.8% (11)	7.3% (3)	3.10	1.044	Sederhana
5	Saya tahu cara mengakses dan menggunakan Saluran DidikTV untuk pengajaran Pendidikan Islam.	9.8% (4)	9.8% (4)	29.3% (12)	39% (16)	12.2% (5)	3.34	1.132	Sederhana
6	Saya berpengetahuan tentang cara menggunakan sumber dari Saluran DidikTV untuk aktiviti pengajaran.	9.8% (4)	7.3% (3)	34.1% (14)	39% (16)	9.8% (4)	3.32	1.083	Sederhana
7	Saya sedar tentang manfaat menggunakan Saluran DidikTV untuk menyampaikan pelajaran Pendidikan Islam.	7.3% (3)	4.9% (2)	9.8% (4)	63.4% (26)	14.6% (6)	3.73	1.025	Sederhana
8	Saya menerima latihan atau pendedahan mengenai Saluran DidikTV dalam pengajaran Pendidikan islam.	9.8% (4)	31.7% (13)	31.7% (13)	19.5% (8)	7.3% (3)	2.83	1.093	Rendah
Min Keseluruhan							3.32	1.059	Sederhana

Dapatan pertama menunjukkan bahawa 43.9% responden bersetuju bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai Saluran DidikTV. Walaupun jumlah ini kelihatan agak tinggi, 31.7% responden hanya kurang setuju dan 12.2% lagi tidak setuju. Hanya

4.9% responden yang sangat setuju dengan kenyataan ini. Ini menunjukkan bahawa walaupun kesedaran terhadap kewujudan dan tujuan Saluran DidikTV ada, masih banyak guru yang kurang memahami sepenuhnya kandungan yang disediakan oleh saluran tersebut. Dengan nilai purata 3.51 dan sisihan piawai (SD) yang tinggi iaitu 0.978, jelas menunjukkan variasi yang ketara dalam tahap pengetahuan responden mengenai Saluran DidikTV. Secara keseluruhan, walaupun terdapat kesedaran mengenai Saluran DidikTV, tahap pengetahuan mendalam tentang saluran tersebut masih perlu dipertingkatkan.

Sementara itu, bagi kefahaman guru terhadap jenis kandungan yang terdapat di Saluran DidikTV, khususnya yang berkaitan dengan Pendidikan Islam, 48.8% responden bersetuju bahawa mereka memahami jenis kandungan yang disediakan. Walau bagaimanapun, 17.1% responden hanya kurang setuju, dan 4.9% tidak setuju. Dengan nilai purata 3.68 dan sisihan piawai 1.059, ia menunjukkan bahawa kebanyakan guru mempunyai kefahaman asas mengenai kandungan yang terdapat di saluran ini. Namun, mereka mungkin belum sepenuhnya memanfaatkan kandungan tersebut dalam pengajaran mereka. Oleh itu, walaupun terdapat kefahaman yang lebih baik mengenai kandungan, masih terdapat ruang untuk meningkatkan penguasaan dan penerapan kandungan tersebut dalam pengajaran Pendidikan Islam.

Seterusnya, dalam analisis mengenai pengetahuan guru terhadap susunan rancangan TV Pendidikan di Saluran DidikTV, dapatan menunjukkan bahawa 7.3% responden sangat setuju, dan 24.2% setuju bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai susunan rancangan yang berkaitan dengan Pendidikan Islam. 41.5% responden hanya kurang setuju dengan kenyataan ini. Nilai purata 3.02 dan sisihan piawai 1.060 menunjukkan bahawa pengetahuan mengenai susunan rancangan TV Pendidikan berada pada tahap "sederhana." Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru belum cukup mengetahui susunan rancangan atau jadual TV yang berkaitan dengan Pendidikan Islam di Saluran DidikTV. Oleh itu, pihak DidikTV perlu menyediakan maklumat yang lebih jelas dan mudah diakses mengenai jadual rancangan yang disiarkan agar guru-guru dapat merancang pengajaran mereka dengan lebih baik dan memanfaatkan kandungan yang tersedia.

Mengenai kefahaman guru terhadap cara mengintegrasikan kandungan dari Saluran DidikTV dalam pengajaran Pendidikan Islam, dapatan menunjukkan bahawa 26.8% responden bersetuju bahawa mereka memahami cara untuk mengintegrasikan kandungan tersebut. Walau bagaimanapun, 43.9% responden lagi hanya kurang setuju, dan hanya 9.8% yang sangat setuju. Dengan nilai purata 3.10 dan sisihan piawai 1.044, ia menunjukkan bahawa banyak guru belum sepenuhnya memahami bagaimana untuk mengintegrasikan kandungan dari Saluran DidikTV dalam pengajaran mereka. Oleh itu, penting untuk menyediakan panduan yang lebih jelas dan terperinci mengenai cara-cara untuk mengintegrasikan kandungan tersebut secara efektif dalam pengajaran Pendidikan Islam.

Dapatan seterusnya menilai tahap kemahiran guru dalam mengakses dan menggunakan Saluran DidikTV. 39% responden bersetuju bahawa mereka mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk mengakses dan menggunakan saluran tersebut, sementara 29.3% hanya kurang setuju. Namun, hanya 9.8% yang sangat setuju bahawa mereka tahu cara mengakses dan menggunakan Saluran DidikTV dengan efektif. Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat kesedaran tentang kewujudan saluran tersebut, kebanyakan guru masih kurang yakin dengan kemampuan mereka untuk memanfaatkannya secara sepenuhnya dalam pengajaran.

Dengan nilai purata 3.34 dan sisihan piawai 1.132, ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru-guru berada pada tahap "sederhana." Sisihan piawai yang tinggi menandakan terdapat jurang yang ketara dalam tahap kemahiran di antara guru-guru, dan sebahagian besar daripada mereka masih memerlukan latihan dan pendedahan lebih mendalam mengenai cara-cara untuk menggunakan Saluran DidikTV dalam pengajaran mereka.

Bagi penggunaan sumber dari Saluran DidikTV untuk aktiviti pengajaran, dapatan menunjukkan bahawa 39% responden bersetuju bahawa mereka tahu cara untuk menggunakan sumber tersebut, sementara 34.1% hanya kurang setuju. Dengan nilai purata 3.32 dan sisihan piawai 1.083, yang masih berada pada tahap "sederhana," menunjukkan bahawa guru-guru memerlukan lebih banyak pendedahan dan latihan dalam memanfaatkan sumber daripada Saluran DidikTV. Panduan yang lebih praktikal dan sesi latihan perlu diberikan untuk membantu guru-guru memanfaatkan sumber tersebut dengan lebih efektif dalam aktiviti pengajaran mereka.

Walaupun terdapat beberapa isu mengenai pengetahuan dan kemahiran, kebanyakan guru sedar tentang manfaat menggunakan Saluran DidikTV dalam pengajaran Pendidikan Islam. 63.4% responden bersetuju dan 14.6% sangat setuju bahawa Saluran DidikTV memberikan manfaat dalam pengajaran. Nilai purata 3.73 dan sisihan piawai 1.025 menunjukkan sikap positif terhadap penggunaan Saluran DidikTV. Oleh itu, pihak KPM boleh memanfaatkan kesedaran ini untuk memperluaskan penggunaan Saluran DidikTV di kalangan guru-guru Pendidikan Islam.

Satu isu utama yang dikesan dalam analisis ini adalah mengenai tahap latihan atau pendedahan yang diterima oleh guru-guru mengenai Saluran DidikTV. Dapatan menunjukkan bahawa 31.7% responden tidak bersetuju dan 19.5% lagi kurang setuju bahawa mereka telah menerima latihan yang mencukupi mengenai saluran tersebut. Hanya 7.3% responden yang sangat setuju bahawa mereka telah menerima latihan yang mencukupi. Dengan nilai purata 2.83 dan sisihan piawai yang tinggi iaitu 1.093, dapat disimpulkan bahawa tahap latihan dan pendedahan yang diterima oleh guru-guru adalah rendah. Hal ini menjadi isu yang perlu diberi perhatian serius kerana tanpa latihan yang mencukupi, para guru tidak akan dapat menggunakan Saluran DidikTV dengan efektif dalam pengajaran mereka. Oleh itu, pihak KPM perlu memperbanyakkan sesi latihan dan bengkel yang memberi fokus kepada penggunaan Saluran DidikTV dalam pengajaran Pendidikan Islam.

Secara keseluruhan, analisis dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang "sederhana" mengenai penggunaan Saluran DidikTV. Walaupun terdapat kesedaran yang baik mengenai manfaatnya, masih banyak ruang untuk penambahbaikan, terutama dalam aspek latihan dan pendedahan kepada saluran ini. Pihak KPM perlu mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan dalam menyediakan latihan dan sokongan kepada guru-guru agar mereka dapat memanfaatkan sepenuhnya potensi Saluran DidikTV dalam pengajaran Pendidikan Islam.

PERBINCANGAN KAJIAN

Pada bahagian ini membincangkan secara mendalam berkaitan dapatan kajian tahap pengetahuan, dan sikap guru-guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan Zon

Semenyih mengenai penggunaan Saluran DidikTV berada pada tahap "sederhana." Sebahagian besar guru mempunyai kesedaran mengenai kewujudan Saluran DidikTV, tetapi terdapat kekurangan dalam kefahaman mendalam mengenai kandungan dan cara-cara mengintegrasikannya dalam pengajaran. Hal ini seiring dengan kajian lepas oleh Jamaludin et al. (2022) yang mendapati bahawa walaupun kesedaran tentang penggunaan teknologi pendidikan tinggi di kalangan guru, pengetahuan yang lebih mendalam mengenai teknologi tertentu seperti saluran pendidikan masih rendah. Dalam kajian ini, 43.9% guru bersetuju mereka mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai Saluran DidikTV, namun 31.7% hanya kurang setuju dan 12.2% tidak setuju dengan kenyataan ini. Ini menunjukkan bahawa banyak guru masih kurang memahami secara mendalam tentang kandungan yang disediakan oleh Saluran DidikTV. Dapatan ini juga disokong oleh kajian oleh Hassan & Zainal (2021) yang mendapati guru-guru menghadapi kesukaran dalam mengaitkan kandungan dari saluran pendidikan dengan kurikulum yang mereka ajar.

Selain itu, 48.8% responden menyatakan mereka memahami jenis kandungan Pendidikan Islam yang terdapat di Saluran DidikTV, tetapi terdapat kekurangan dalam memanfaatkan kandungan tersebut secara efektif dalam pengajaran mereka. Kajian oleh Abdullah & Zulkifli (2020) turut menyatakan bahawa guru-guru seringkali tidak dapat menghubungkan kandungan dari Saluran DidikTV dengan pengajaran mereka kerana kekurangan maklumat mengenai susunan rancangan atau jadual yang disediakan. Dapatan kajian ini turut menunjukkan bahawa hanya 7.3% guru yang sangat setuju mereka mengetahui susunan rancangan yang disiarkan di Saluran DidikTV, dengan nilai purata 3.02 yang mencerminkan tahap pengetahuan yang rendah mengenai susunan rancangan TV Pendidikan. Oleh itu, pihak DidikTV perlu meningkatkan penyebaran maklumat mengenai jadual rancangan melalui platform yang mudah diakses, seperti aplikasi mudah alih atau laman web.

Kemahiran guru untuk mengakses dan menggunakan Saluran DidikTV juga berada pada tahap yang sederhana. Walaupun 39% guru menyatakan mereka mempunyai kemahiran yang mencukupi, 29.3% hanya kurang setuju dengan kenyataan ini. Dapatan kajian ini mencerminkan hasil kajian oleh Rahman et al. (2019) yang mendapati bahawa kebanyakan guru kurang menggunakan teknologi pendidikan kerana kurangnya latihan yang mencukupi. Ini menunjukkan bahawa selain meningkatkan pengetahuan tentang kandungan, latihan praktikal yang lebih berfokus tentang cara mengakses dan memanfaatkan Saluran DidikTV dalam pengajaran perlu diberikan. Dapatan kajian ini turut menunjukkan bahawa 31.7% guru tidak bersetuju bahawa mereka telah menerima latihan yang mencukupi mengenai Saluran DidikTV, dengan nilai purata 2.83 yang mencadangkan keperluan untuk meningkatkan program latihan dan bengkel untuk guru. Kajian oleh Othman et al. (2023) turut menyatakan bahawa kurangnya latihan yang disediakan menjadi salah satu halangan utama dalam penggunaan teknologi pendidikan seperti Saluran DidikTV.

Namun demikian, kajian ini juga menunjukkan sikap yang positif di kalangan guru terhadap manfaat Saluran DidikTV dalam pengajaran Pendidikan Islam, dengan 63.4% guru bersetuju bahawa saluran ini memberi manfaat dalam pengajaran. Ini sejajar dengan kajian oleh Yusof & Ismail (2021) yang mendapati bahawa guru-guru di Malaysia secara umumnya mempunyai sikap positif terhadap penggunaan teknologi dalam pendidikan kerana mereka menyedari potensi teknologi dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran. Oleh itu, pihak

KPM dapat memanfaatkan sikap positif ini untuk memperluaskan penggunaan Saluran DidikTV di kalangan guru-guru Pendidikan Islam, sambil menekankan pentingnya latihan dan sokongan berterusan. Secara keseluruhannya, kajian ini mencadangkan bahawa peningkatan latihan praktikal mengenai penggunaan Saluran DidikTV, penyebaran maklumat yang lebih efektif mengenai jadual rancangan, dan panduan yang lebih terperinci untuk mengintegrasikan kandungan saluran ini ke dalam pengajaran Pendidikan Islam adalah langkah-langkah penting untuk mempertingkatkan penggunaan Saluran DidikTV secara efektif dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan gambaran yang jelas mengenai tahap pengetahuan, dan sikap guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan Saluran DidikTV dalam pengajaran. Berdasarkan dapatan kajian, secara amnya, guru-guru mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang "sederhana" mengenai penggunaan Saluran DidikTV, walaupun kesedaran mengenai manfaatnya cukup baik. Pengetahuan yang mendalam mengenai kandungan dan cara mengakses serta mengintegrasikan bahan daripada DidikTV dalam pengajaran masih perlu dipertingkatkan. Kajian juga mendapati bahawa latihan dan pendedahan yang tidak mencukupi adalah faktor utama yang menghalang guru-guru untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi Saluran DidikTV dalam pengajaran Pendidikan Islam.

Kebanyakan guru mengakui bahawa mereka menyedari manfaat Saluran DidikTV dalam menyampaikan pelajaran Pendidikan Islam, namun mereka kurang berkeyakinan dan kurang memahami cara untuk mengakses dan mengintegrasikan kandungan yang ada dalam pengajaran mereka. Dapatan ini selaras dengan kajian-kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa kekurangan latihan yang berterusan dan sokongan teknikal adalah faktor penghalang utama dalam penggunaan teknologi pendidikan seperti DidikTV. Oleh itu, untuk memaksimumkan penggunaan DidikTV dalam pengajaran, adalah penting untuk pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan lebih banyak program latihan yang memberi fokus kepada penggunaan praktikal DidikTV di bilik darjah. Latihan ini bukan sahaja perlu menumpukan pada penguasaan teknikal, tetapi juga pada strategi pengajaran yang dapat membantu guru mengintegrasikan kandungan saluran tersebut dengan cara yang lebih berkesan. Selain itu, faktor sokongan teknikal dan infrastruktur juga memainkan peranan penting dalam memastikan bahawa guru-guru di kawasan luar bandar atau kawasan dengan kemudahan internet yang terhad dapat memanfaatkan DidikTV dengan lebih baik. Peningkatan dalam kestabilan sambungan internet dan penyediaan sokongan teknikal yang lebih efisien akan membantu guru-guru mengatasi cabaran ini dan meningkatkan keberkesanan penggunaan DidikTV dalam pengajaran mereka.

Kesimpulannya, DidikTV mempunyai potensi besar untuk meningkatkan kualiti pengajaran Pendidikan Islam di Malaysia. Walau bagaimanapun, untuk memastikan ia digunakan secara berkesan, perlu ada peningkatan dalam aspek latihan, sokongan teknikal, dan pendedahan mengenai cara untuk memanfaatkan saluran ini dengan lebih baik. Pihak KPM perlu terus mengambil langkah-langkah untuk menyokong guru-guru melalui latihan berterusan, pengukuhan infrastruktur digital, dan penyediaan bahan sokongan yang relevan

bagi membantu guru menguasai penggunaan DidikTV dalam pengajaran mereka. Dengan sokongan yang tepat, DidikTV dapat menjadi alat yang sangat berkesan dalam memperkaya pengajaran Pendidikan Islam dan membantu mencapai standard pendidikan yang lebih tinggi di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Said Ambotang & Shanti Gobalakrishnan. 2017. Tahap Integriti Dan Kesianaan Guru Dengan Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. *International Journal Of Education, Psychology Counseling*, 2(4): 1-22. [Http://Www.Ijepc.Com/PDF/IJEP-2017-04-06-08.Pdf](http://Www.Ijepc.Com/PDF/IJEP-2017-04-06-08.Pdf)
- Ahmad, N.L., Yusof, R. & Ismail, R. 2017. Keberkesanan Sistem Pentaksiran Baharu STPM Bagi Mata Pelajaran Perakaunan Dari Perspektif Pelajar Tingkatan Enam. *Jurnal Personalia Pelajar*, 20(2): 37-48. https://Journalarticle.Ukm.My/12350/1/Artikel-12_NOOR-LELAHMAD_FINAL.Pdf.
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. 2017. Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu JPBM (Malay Language Education Journal-Mylej)* 7(2): 77-88. [Http://Journalarticle.Ukm.My/11357/1/152-296-1-SM.Pdf](http://Journalarticle.Ukm.My/11357/1/152-296-1-SM.Pdf)
- Akhia Pardi, Shamsina Shamsuddin, & Muhammad Kushairi Jusoh. 2015. *Asas Kepimpinan & Perkembangan Profesional Guru*. Pelangi Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ani Nabilah Md Zailani & Norizan Mamat. 2022. Penggunaan E-Modul 3M Bagi Meningkatkan Kemahiran Penulisan Karangan Jenis Fakta Dalam Kalangan Murid Tahun 5 Efektif. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Jilid 1*, hal. 388-403. <https://Ipgkdri.Moe.Edu.My/Images/Dokumen/JILID1PROSIDING2022.Pdf>
- Brown, C. P., Englehardt, J., & Mathers, H. 2016. Examining Preservice Teachers' Conceptual And Practical Understandings Of Adopting Ipads Into Their Teaching Of Young Children. *Teaching And Teacher Education*, 60: 179-190. <https://Doi.Org/10.1016/J.Tate.2016.08.018>
- Chin, L. C., & Effandi Zakaria. 2015. Effect Of Game-Based Learning Activities On Children's Positive Learning And Prosocial Behaviours. *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal Of Education)*, 40(2): 159-165. [Http://Journalarticle.Ukm.My/9441/](http://Journalarticle.Ukm.My/9441/)
- Creswell, J. W. 2013. *Research Design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches*. Sage Publications.
- Curto Prieto, M., Orcos Palma, L., Blázquez Tobías, P. J., & León, F. J. M. 2019. Student Assessment Of The Use Of Kahoot In The Learning Process Of Science And Mathematics. *Education Sciences* 9(1), 55. <https://Www.Mdpi.Com/2227-7102/9/1/55>.
- Eusebio, A., & Yussof, K. Y. S. K. M. 2023. Pengaruh Sokongan Organisasi Dan Keupayaan Menggunakan Teknologi Terhadap Niat Menggunakan E-Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Di Kawasan Luar Bandar Sabah. *Journal Of Islamic*, 8(59): 328-344. [Http://Www.Jised.Com/PDF/JISED-2023-59-12-30.Pdf](http://Www.Jised.Com/PDF/JISED-2023-59-12-30.Pdf).
- Fadila, N., Mahamod, Z., & Mohammad, W. M. R. W. 2016. Kompetensi, Sikap Dan

- Penggunaan Aplikasi Web 2.0 Sebagai Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah (Competencies, Attitude And Application Of Web 2.0 As A Teaching Aids Among Malay Language Primary School Teachers). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2): 52-58. [Http://Spaj.Ukm.My/Jpbm/Index.Php/Jpbm/Article/Viewfile/117/114](http://Spaj.Ukm.My/Jpbm/Index.Php/Jpbm/Article/Viewfile/117/114).
- Fadzil, N. A., & Jaafar, N. 2019. Sikap Pelajar Sekolah Menengah Arab Jabatan Agama Islam Melaka Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Kali Ke-4 (PASAK 4 2019)*, hal. 191
- Hanifah Mahat, Satryani Arshad, Yazid Saleh, Kadaruddin Aiyub, Mohmadisa Hashim & Nasir Nayan. 2020. Penggunaan Dan Penerimaan Bahan Bantu Mengajar Multimedia Terhadap Keberkesanan Pembelajaran Geografi. *Malaysian Journal Of Society And Space*, 16(3): 219-234, 2682-7727 <https://doi.org/10.17576/Geo-2020-1603-16>
- Harlina Ishak & Azizah Sarkowi. 2017. Penggunaan Kahoot! Dalam Pentaksiran Formatif Pendidikan Khas: Aplikasi Gamification Bagi Merealisasikan Pendidikan Abad Ke-21. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Khas Dan Pemulihan 2017*, 24(1): 33-45. https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/87272/03.pdf
- Iywon, V. P., & Nasri, N. M. 2020. Tahap Kesianan Dan Sokongan Bagi Pelaksanaan Pendekatan Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Sekolah Rendah. *International Journal Of Education And Pedagogy*, 2(4):489-508. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijeap/article/view/11910/5803>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Matematik Tahun 2*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (Skpmg2)*. Jemaah Nazir Dan Jaminan Kualiti.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2020. *Sistem Pendidikan*. <https://www.moe.gov.my/dasarmenu/sistem-pendidikan>. Diakses Pada 26 Mac 2024.
- Mahmud, R., Ismail, M. A. H., & Ibrahim, J. 2011. Tahap Kemahiran Dan Pengintegrasian ICT Di Kalangan Guru Sekolah Bestari. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 1(1): 5-13. <https://xdocs.pub/doc/jtpm-V1n1-2001-Rosnaini-1-283q3wwg42o6>.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. 2012. *Sistem Pentaksiran Baharu STPM*. https://www.mpm.edu.my/images/dokumen/calonpeperiksaan/stpm/pamplet_sistem_pentaksiran_baharu_stpm_2132012.pdf . Diakses Pada 26 Mac 2024.
- Manibarathi Nagaretnam & Muhammad Sofwan Mahmud. 2022. Kesianan Guru Dan Keberkesanan Pelaksanaan Pengajaran Matematik Abad Ke-21 Di Sekolah Rendah: Sebuah Tinjauan Literatur. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities* 7(11). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1876> Isu Dalam Pendidikan, 46, 2023 55
- Marlina Sahaddin, Maimun Aqhsa Lubis, Mohd Aderi Che Noh & Sitti Rafidah Sahaddin. 2016. Blended Learning Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam.

- Prosiding Wacana Pendidikan Islam 2016*, 557-568. Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Nor Azhari Azman, Nur Amierah Azli, Ramlee Mustaphaa, Balamuralithara Balakrishnan & Nor Kalsum Mohd Isa. 2014. Penggunaan Alat Bantu Mengajar Ke Atas Guru Pelatih Bagi Topik Kerja Kayu, Paip Dan Logam. *Jurnal Sains Humanika*, 3:1:77-85.
<https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/530>
- Mohd Zahar Kusnum & Affero Ismail. 2016. *Penerapan Kaedah Didik Hibur Terhadap Motivasi Belajar Di Kalangan Murid*. Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 1-7.
https://www.researchgate.net/publication/313565217_Penerapan_Kaedah_Didik_Hibur_Terhadap_Motivasi_Belajar_Di_Kalangan_Murid_Di_Sebuah_Sekolah_Rendah_Daerah_Kluang
- Mufidah Dhamirah Mihat. 2022. Tahap Penggunaan Multimedia Bagi Pdpc Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Guru Pemulihan Khas. *Akademika*, 92(1).
<https://doi.org/10.17576/Akad-2022-9201-04>
- Muhamad Zulham & Dwi Sulisworo. 2016. Pengembangan Multimedia Interaktif Berbasis Mobile Dengan Pendekatan Kontekstual Pada Materi Gaya. *Jurnal Penelitian Pembelajaran Fisika* 7(2): 132-141.
<https://journal.upgris.ac.id/index.php/jp2f/article/view/1308/1131>
- Muhammad Luqman Hakim Mazlan & Suriany Mat Nor. 2022. Tahap Kesediaan Pelaksanaan Pengajaran Secara Dalam Talian Oleh Guru Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Jilid 1*, hal. 68-74.
<https://ipgkdri.moe.edu.my/images/dokumen/jilid1PROSIDING2022.pdf>
- Nor, N. M., Talib, C. A., Abd Hakim, N. W., Ali, M., Osman, S., & Ibrahim, N. H. 2018. Penggunaan Sumber ICT Dalam Pengajaran Kimia: Cabaran Kepada Guru Masa Kini. (The Use Of ICT Resources In Teaching Chemistry: Challenges To Recent Teachers). *Innovative Teaching And Learning Journal (ITLJ)*, 2(2), 82-88.
<http://161.139.21.34/itlj/index.php/itlj/article/download/27/45>.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. 2019. Amalan Dan Cabaran Perlaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Proceedings Of The International Conferenfe On Islamic Civilization And Technology Management*.
<https://www.tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-09.pdf>
- Norlizawaty Baharin. 2019. Penggunaan Ipad Untuk Meningkatkan Pembelajaran Dan Penglibatan Murid Dalam Bilik Darjah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Jilid Ke-20*. 12- 24. <https://pdfcoffee.com/penggunaan-ipad-untuk-meningkatkan-pdf-free.html>
- Isu Dalam Pendidikan, 46, 2023 56
- Normiati Batjo & Abdul Said Ambotong. 2019. Pengaruh Pengajaran Guru Terhadap Kualiti Pengajaran Guru. *Malaysian Journal Of Science And Humalities* 4(2): 30-42.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i2.189>
- Nur Ain Husna & Anuar Ahmad. 2024. *Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Oleh Guru Sejarah*. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities (MJSSH)*. 6(3).

- Nurhayati Mohd Saperi & Mohd Asri Harun. 2022. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Visual Elektronik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Zon Timur. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Jilid 1*, hal. 299-306. <https://ipgkdri.moe.edu.my/images/dokumen/JILID1PROSIDING2022.Pdf>
- Omar, A. 2016. Integrasi Teknologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu Mempertingkatkan Keyakinan Dan Keberhasilan Guru Semasa Latihan Mengajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 9(1), 13-25. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPB/article/download/2465/1899>.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Permata Timur LL. (September 01, 2015). Konsep Dan Kategori Bahan Bantu Mengajar. <http://cikgusaberi.blogspot.com/2012/08/konsep-dan-kategori-bahan>
- Rogayah Mohd Zain & Mohd Aderi Che Noh. 2016. Kesan Globalisasi Ke Atas Pendidikan Islam Kini. *Wacana Pendidikan Islam*, 11, 35-42. https://www.academia.edu/9926441/GLOBALISASI_DAN_KESAN_KE_ATAS_AGAMA
- Rohani, M. M., & Yusoff, A. S. 2015. Tahap Kesiediaan Pelajar Dalam Penggunaan Teknologi, Pedagogi, Dan Kandungan (Tpack) Dalam Pembelajaran Kurikulum Di Ipt. In *Proceeding Of The 3rd International Conference On Artificial Intelligence And Computer Science*, Pulau Pinang. <https://www.scribd.com/document/434819733/Pbd>.
- Siti Faiqah Mohd Salleh & Mohd Asri Harun. 2022. Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Bahasa Melayu Di Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Jilid 1*, 526-535. <https://ipgkdri.moe.edu.my/images/dokumen/JILID1PROSIDING2022.Pdf>
- Siti Zaharah Mohid, Roslinda Ramli, Khodijah Abdul Rahman, & Nurul Nadhirah Shahabudin. 2018. Teknologi Multimedia Dalam Pendidikan Abad 21. *International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018)*, hal. 1-9. <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2018/09/IRMIC18-Pendidikan-Alaf-21-Multimedia-Dr-Zaharah.Pdf>